

# PM ingatkan pengusaha hati2 pilih tanaman untuk eksport

**K**UALA LUMPUR 13 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan pengusaha - pengusaha pertanian komersial supaya berhati - hati dalam memilih jenis tanaman untuk dieksport. Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia sebuah negara pertanian yang subur tetapi ia harus berhati - hati dalam mengeksport jenis - jenis bahan yang selama ini dikeluarkan oleh negara lain. Kata beliau, para pengusaha pertanian haruslah fikir apakah jenis

tanaman yang perlu diusahakan supaya ia tidak menjadi masalah di masa hadapan di mana pihak yang lain tidak akan membeli barangan Malaysia kerana barangan tersebut telah terlebih dahulu dikeluarkan oleh sebuah negara lain. "Jika ini berlaku, kita pula yang akan menanggung kerugian dan ia akan membebankan pengusaha. "Di samping itu, kita juga perlu menjaga keseimbangan import dan eksport di mana kita tidak boleh terus mengeksport tanpa mengimport," kata

beliau ketika berucap merasmikan pameran jagung di Muzium Negara di sini petang ini.

## Bermakna

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, bagaimanapun ini tidak bermakna Malaysia tidak boleh mengusahakan jenis tanaman yang telahpun diusahakan oleh negara lain.

Apa yang perlu diperhatikan kata beliau, ialah jika penyeimbangan tukaran asing itu hanya menyebelahi Malaysia,

orang lain tidak akan berminat untuk membeli dari Malaysia.

Ini, kata beliau, hanya akan membebankan bukan sahaja para pengusaha tetapi juga negara.

Beliau menegaskan, Malaysia masih lagi memberikan perhatian yang mendalam kepada sumber pertanian walaupun negara sedang menuju ke arah perindustrian kerana punca pendapatan daripada sumber pertanian masih lagi menjadi tulang belakang eksport negara.

Malangnya, kata Perdana Menteri, pendapatan dari tanaman makanan masih jauh lebih rendah dari tahap yang diharapkan. "Tidak seperti Jepun di mana golongan petani adalah di antara golongan terkaya sekali, petani - petani Malaysia akan mengambil masa yang panjang melalui satu proses orientasi pemikiran dan pekerjaan untuk menjadi seperti Jepun.

"Walaupun petani sudah memiliki rumah - rumah batu yang cantik seperti yang saya lihat ketika melawat Perlis baru - baru ini, tetapi masih ada tanggapan yang mengatakan petani adalah terlalu miskin," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir. Sebagai langkah untuk mengatasinya, kerajaan telah memberikan berbagai bentuk subsidi dari subsidi baja hinggalah kepada jenis pokok tanaman tetapi bantuan seperti ini tidak akan berterusan.

Kata beliau, satu - satunya cara untuk 'mengubati' penyakit ini ialah dengan cara pengendalian pertanian secara komersial. Sebagai alternatif kepada pendapatan yang rendah, Perdana Menteri antara lain mencadangkan, supaya para petani mengusahakan tanaman mereka secara koperasi untuk mengelak mengusahakan tanah secara kecil - kecilan yang tidak menguntungkan. Tambah beliau, para petani juga mestilah mencari jalan mengusahakan tanaman dalam bentuk besar - besaran ataupun ladang - ladang kecil dibentuk mengelilingi ladang besar sebagai satu langkah kerjasama yang boleh mengurangkan kos pengeluaran.